

SOALAN NO.: 100

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID**  
**[KUALA KANGSAR]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 100**

**Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Kuala Kangsar akan menjadi sebagai hospital kluster.

**Tuan yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa komited dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan dapat diberikan kepada rakyat dengan efisien, efektif, selamat dan berkualiti. Kementerian Kesihatan Malaysia telah memperkenalkan konsep Hospital Kluster sejak 2014. Hospital Kluster melibatkan kolaborasi sekurang-kurangnya satu hospital berpakar dengan hospital tanpa pakar di dalam kawasan geografi yang sama. Sumber-sumber seperti sumber manusia, peralatan, fasiliti dan lain-lain akan dikongsi di antara hospital-hospital di dalam setiap kluster bagi memastikan sumber-sumber dioptimumkan penggunaannya. Ini dapat meningkatkan kecekapan dan efisiensi penyampaian perkhidmatan di hospital-hospital KKM.